

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**  
**KAWASAN : KLANG**  
**TARIKH : 4.4.2016 (Isnin)**  
**NO. SOALAN : 260**

**YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kos Kerajaan untuk menyertai setiap perundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik, serta kos jelajah nasional termasuk "town-hall meetings" TPPA yang dianjurkan oleh MITI.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan membuat keputusan untuk menyertai rundingan TPP kerana yakin perjanjian ini akan memberi kesan positif kepada Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan dan seterusnya memberi manfaat kepada rakyat.

2. Penyertaan Malaysia dalam rundingan TPPA buat kali pertama bermula pada 5 Oktober 2010 di Brunei iaitu sebagai negara anggota yang kesembilan. Rundingan ini ditamatkan oleh 12 buah negara selepas 5 tahun pada 5 Oktober 2015 di Atlanta, Amerika Syarikat.

3. Perjanjian yang komprehensif ini mengandungi 30 bab dan tidak kurang daripada lima belas Kementerian dan agensi Kerajaan telah menyertai pasukan perunding Malaysia bagi memastikan kepentingan negara diperjuangkan serta dasar-dasar utama dipertahankan. Para perunding Malaysia terdiri daripada para pegawai Kerajaan di pelbagai peringkat yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing.

4. Mengikut rekod yang diperolehi oleh Kementerian ini, sebanyak RM15 juta telah dibelanjakan oleh Kementerian-kementerian yang berkaitan dalam menyertai rundingan TPPA sejak tahun 2010 hingga 2015, termasuk sesi penerangan yang dilakukan dari masa semasa oleh setiap Kementerian yang terlibat. Sebahagian besar perbelanjaan melibatkan kos logistik seperti tiket penerbangan dan penginapan. Perbelanjaan ini dilaksanakan secara berhemah, dengan mengambilkira peruntukan tahunan yang diberi kepada Kementerian berkenaan dalam belanjawan tahunan. Disamping itu, bagi menjimatkan kos sesi penerangan, kos dewan serta kemudahan minuman disediakan oleh pihak penganjur, termasuk diperingkat negeri.

Sekian, terima kasih.